



NEGERI KELANTAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 77

No. 34

29hb Ogos 2024

TAMBAHAN No. 11

PERUNDANGAN

Kn. P.U. 20.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI KELANTAN 2024

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

3. Permohonan untuk kebenaran merancang
4. Fi
5. Arahan bertulis

Kaedah

6. Maklumat dan keterangan
7. Penyenggaraan daftar permohonan
8. Perundingan
- 8A. Nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara
- 8B. Perakuan Jawatankuasa Kawal Selia Merancang dan Menyelaras Aktiviti-aktiviti Pemajuan Projek Pembangunan Negeri Kelantan
9. Kebenaran merancang
- 9A. Laporan cadangan pemajuan
- 9B. Penyediaan pelan, dsb., oleh seseorang yang berkelayakan

BAHAGIAN III

PEMBERIAN KEBENARAN MERANCANG

10. Rayuan terhadap keputusan pihak berkuasa perancang tempatan
11. Luputnya kebenaran merancang
12. Permohonan pelanjutan kebenaran merancang
13. Perintah pembatalan dan pengubahsuaian
14. Tuntutan bagi pampasan dan kos

BAHAGIAN IV

KAWALAN KEBENARAN MERANCANG

15. Notis-notis di bawah seksyen 27
16. Notis-notis di bawah seksyen 28
17. Notis-notis di bawah seksyen 29
18. Notis rekuisisi
19. Perakuan pematuhan notis rekuisisi
20. Tuntutan berikutan pematuhan notis rekuisisi
21. Caj pemajuan
22. Notis pembelian
23. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM) NEGERI KELANTAN 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 58(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) Negeri Kelantan 2024.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai seluruh Negeri Kelantan dan semua kawasan pihak berkuasa perancang tempatan dalam Negeri Kelantan.

(3) Kaedah-Kaedah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“Akta” ertinya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*];

“butir-butir” ertinya apa-apa tandaan atau petunjuk yang berkaitan dengan pelan atau dokumen;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Perancang Negeri yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“jawatankuasa kawal selia” ertinya Jawatankuasa Kawal Selia Merancang dan Menyelaras Aktiviti-Aktiviti Pemajuan Projek Pembangunan Negeri Kelantan yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;

“pegawai berkuasa” ertinya Pengerusi atau Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh pihak berkuasa perancang tempatan untuk menandatangani pelan, dokumen, kebenaran merancang, perintah, arahan atau notis di bawah Kaedah-Kaedah ini;

“pegawai diberi kuasa” ertinya Pengerusi jawatankuasa kawal selia atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pengerusi untuk menandatangani pelan, dokumen, perintah di bawah Kaedah-Kaedah ini;

“Pengarah Negeri” ertinya Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri di bawah Akta 172;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi bagi Jawatankuasa Kawal Selia Merancang dan Menyelaras Aktiviti-aktiviti Pemajuan Projek Pembangunan Negeri Kelantan;

“projek-projek pembangunan yang berimpak tinggi” termasuklah—

(a) pembangunan suatu kawasan bagi penduduk melebihi enam ribu, atau suatu kawasan dengan keluasan empat puluh hektar atau lebih atau kedua-duanya; dan

(b) pembangunan suatu kawasan industri;

“serta-merta” ertinya pada ketika itu juga, tanpa berlengah-lengah;

“tarikh notis disampaikan” ertinya bermula daripada tarikh notis itu diterima oleh pemunya/orang yang dimaksudkan.

BAHAGIAN II

PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

Permohonan untuk kebenaran merancang

3. (1) Sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang berkenaan dengan suatu pemajuan hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan melalui Borang A Jadual Pertama kecuali projek-projek yang disenaraikan di bawah subkaedah 8B(5).

(2) Sesuatu permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah mengandungi butir-butir dan disertakan dengan maklumat, dokumen, dan pelan, yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Fi

4. (1) Fi untuk memproses permohonan kebenaran merancang, pindaan pelan susun atur atau tambahan atau perubahan ke atas sesuatu bangunan yang telah ada kebenaran merancang, atau melanjutkan kebenaran tersebut hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga (Bahagian 1 dan 2).

(2) Fi untuk memproses pemajuan tanpa kebenaran merancang yang telah dikenakan notis di bawah subseksyen 27(3) dan 28(3) Akta, boleh dibuat dalam gandaan yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga (Bahagian 3).

Arahan bertulis

5. (1) Sesuatu arahan bertulis di bawah subseksyen 21(3) dan 21B(2) Akta, yang diberi kepada pemohon untuk meminda pelan cadangan hendaklah dibuat melalui Borang A(1) Jadual Pertama.

(2) Pemohon yang diberikan apa-apa arahan bertulis di bawah subkaedah (1) hendaklah meminda pelan yang dikemukakan dengan permohonannya itu dengan sewajarnya dan mengemukakan semula pelan itu dalam tempoh 14 hari atau apa-apa tempoh oleh pihak berkuasa perancang tempatan atau apa-apa tempoh dilanjutkan atas permintaan pemohon dan dipersetujui oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

(3) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh melanjutkan tempoh mengemukakan semula pelan pindaan di bawah subseksyen 21(4) dan 21B(3) Akta, melalui Borang D Jadual Pertama.

(4) Jika pelan itu tidak dikemukakan semula dalam tempoh yang ditentukan atau tempoh yang dilanjutkan itu, permohonan untuk kebenaran merancang itu hendaklah disifatkan sebagai telah ditarik balik tetapi pemohon itu boleh mengemukakan permohonan baru dengan fi yang baru.

Maklumat dan keterangan

6. (1) Jika sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang melibatkan pendirian suatu bangunan, pihak berkuasa perancang tempatan boleh menghendaki pemohon supaya memberikan apa-apa maklumat tambahan yang perlu untuk membolehkan pihaknya membuat keputusan.

(2) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh menghendaki seseorang pemohon untuk kebenaran merancang supaya menunjukkan apa-apa keterangan yang munasabah untuk menyokong apa-apa maklumat yang telah diberi dalam atau berhubung dengan permohonannya.

Penyenggaraan daftar permohonan

7. Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyenggara suatu daftar permohonan dalam mana hendaklah dicatatkan butir-butir dan lain-lain maklumat permohonan apabila sahaja diterima sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang.

Perundingan

8. Sebelum memutuskan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang, pihak berkuasa perancang tempatan bolehlah berunding dengan mana-mana pihak berkuasa, jabatan, kumpulan, persatuan, pertubuhan atau mana-mana orang yang difikirkan berkepentingan.

Nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara

8A. Jawatankuasa hendaklah mendapatkan nasihat daripada Majlis berkenaan dengan permohonan di bawah subseksyen 22(2A) melalui Borang E Jadual Pertama.

Jawatankuasa Kawal Selia Merancang dan Menyelaras Aktiviti-aktiviti Pemajuan Projek Pembangunan

8B. (1) Suatu jawatankuasa kawal selia ditubuhkan bagi menjalankan fungsi tambahan Jawatankuasa di bawah subseksyen 4(6) Akta, iaitu memproses dan memperakukan permohonan pelan susun atur bagi aktiviti-aktiviti pemajuan di Negeri Kelantan, dengan keahlian seperti di Jadual Keenam.

(2) Kuorum bagi satu mesyuarat jawatankuasa kawal selia hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan tidak kurang daripada sepuluh orang ahli lain.

(3) Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan hendaklah menjadi Pengerusi jawatankuasa kawal selia. Jika apa-apa sebab Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsinya, Timbalan Pengerusi atau mana-mana ahli jawatankuasa kawal selia yang dilantik oleh Pengerusi hendaklah menjalankan fungsi Pengerusi.

(4) Jika apa-apa sebab Setiausaha jawatankuasa kawal selia tidak dapat melaksanakan fungsinya, Pengerusi Jawatankuasa Kawal Selia boleh melantik mana-mana Pegawai Perancang Bandar dan Desa yang berkhidmat di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan untuk melaksanakan fungsi Setiausaha.

(5) Jawatankuasa kawal selia hendaklah menjalankan fungsinya untuk memproses dan memperakukan pelan susun atur atau pelan pembangunan bagi projek-projek berikut:

- (a) projek-projek pelaburan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan atau pihak berkuasa tempatan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) projek-projek pembangunan yang berimpak tinggi di atas tanah persendirian yang dikemukakan oleh pemohon atau pemunya;
- (c) projek-projek pembangunan tanah kerajaan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (d) projek-projek pembangunan oleh jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri; dan
- (e) apa-apa projek pembangunan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri

(6) Suatu permohonan di bawah subkaedah (5) hendaklah dibuat melalui Borang F Jadual Pertama.

(7) Segala fi dan bayaran yang dikenakan bagi proses kelulusan permohonan oleh jawatankuasa kawal selia adalah mengikut kadar yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui Bahagian Satu Jadual Ketiga.

(8) Segala fi dan bayaran yang diterima di bawah subkaedah (7) hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan Negeri.

(9) Keputusan jawatankuasa kawal selia hendaklah dimaklumkan kepada Jawatankuasa.

(10) Keputusan jawatankuasa kawal selia adalah menjadi arahan Jawatankuasa yang hendaklah dipatuhi oleh semua pihak berkuasa perancang tempatan.

(11) Apa-apa kelulusan yang dikeluarkan oleh jawatankuasa ini hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau Setiausaha.

(12) Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah memberi kebenaran merancang bagi projek di bawah subkaedah 8B (5) melalui Borang C(1) Jadual Pertama tanpa melalui proses permohonan di peringkat pihak berkuasa perancang tempatan, dalam tempoh satu bulan dari tarikh surat pemberitahuan keputusan jawatankuasa kawal selia.

(13) Sekiranya pihak berkuasa perancang tempatan gagal mengeluarkan kebenaran merancang dalam tempoh yang ditetapkan, jawatankuasa kawal selia boleh mengangkat mana-mana projek yang telah diperakukan, kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapatkan arahan.

Kebeneran merancang

9. (1) Kebeneran merancang hendaklah diberi melalui Borang C (1) Jadual Pertama.

(2) Sesuatu penolakan dalam memberi kebenaran merancang hendaklah dibuat melalui Borang C (2) Jadual Pertama.

Laporan cadangan pemajuan

9A. Sebagai tambahan kepada dokumen dan pelan yang dikehendaki supaya dikemukakan di bawah subseksyen 21(1) untuk kebenaran merancang, pemohon hendaklah mengemukakan suatu laporan cadangan pemajuan yang hendaklah mengandungi perkara-perkara sebagaimana yang terdapat di dalam *Manual Laporan Cadangan Pemajuan, Edisi Kedua, terbitan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, lain-lain manual Laporan Cadangan Pemajuan atau dokumen yang berkaitan*.

Penyediaan pelan, dsb., oleh seseorang yang berkelayakan

9B. Semua pelan, butir-butir, pelan susun atur dan dokumen lain yang dikehendaki supaya dikemukakan di bawah Akta hendaklah disediakan oleh –

(a) seseorang yang kelayakannya ditetapkan di bawah perenggan 58(2)(h); atau

(b) seseorang yang berhak berbuat sedemikian di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Penyediaan ini juga hendaklah merujuk kepada *Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan Am (Orang Yang Berkelayakan Mengemukakan Pelan) (Negeri Kelantan) 2015*.

Rayuan terhadap keputusan pihak berkuasa perancang tempatan

10. (1) Sesuatu rayuan terhadap keputusan yang dibuat di bawah subseksyen 22(3) Akta, boleh dikemukakan kepada Lembaga Rayuan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu disampaikan kepadanya, oleh –

(a) seseorang pemohon bagi kebenaran merancang yang terkilang dengan keputusan pihak berkuasa perancang tempatan yang enggan memberikan kebenaran merancang atau dengan apa-apa syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan dalam memberikan kebenaran merancang itu.

(2) Proses rayuan ini boleh dibuat dengan merujuk kepada Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan Negeri Kelantan (sepertimana pewartaan untuk Kaedah-Kaedah ini).

Luputnya kebenaran merancang

11. (1) Suatu kebenaran merancang yang diberikan di bawah subseksyen 22(3) Akta, hendaklah melainkan jika dilanjutkan tempohnya, luput dua belas bulan selepas tarikh ia diberikan jika, dalam masa itu, pemajuan belum dimulakan secara yang ditentukan dalam kebenaran merancang itu.

(2) Subseksyen (1) Akta, tidak terpakai bagi suatu kebenaran merancang yang menyatakan dengan nyata bahawa pemajuan yang baginya kebenaran merancang itu diberikan tidak melibatkan apa-apa kerja bangunan.

Permohonan pelanjutan kebenaran merancang

12. (1) Subseksyen 24(3) Akta, apabila sesuatu permohonan dibuat secara yang ditetapkan sebelum kebenaran merancang itu luput untuk dilanjutkan atau dilanjutkan lagi tempoh kebenaran merancang, pihak berkuasa perancang tempatan boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, memberi suatu tempoh lanjutan atau tempoh lanjutan tambahan kepada kebenaran merancang itu.

(2) Suatu permohonan untuk melanjutkan atau melanjutkan lagi kebenaran merancang ini hendaklah di buat melalui Borang B Jadual Pertama.

Perintah pembatalan dan pengubahsuaian kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan

13. (1) Sesuatu perintah di bawah subseksyen 25(1) Akta, yang membatalkan suatu kebenaran merancang atau sesuatu kelulusan pelan bangunan dibuat melalui Borang C(1) Jadual Keempat.

(2) Sesuatu perintah di bawah subseksyen 25(1) Akta, yang mengubah suai kebenaran merancang atau sesuatu kelulusan pelan bangunan hendaklah dibuat melalui Borang C(2) Jadual Keempat. Selepas Jawatankuasa memberikan pengesahannya mengikut subseksyen 25(2) Akta, satu salinan perintah hendaklah disampaikan kepada orang yang diberikan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan.

Tuntutan bagi pampasan dan kos

14. (1) Suatu tuntutan bagi pampasan di bawah subseksyen 25(7) Akta, hendaklah dibuat melalui Borang A Jadual Kelima dalam tempoh enam bulan selepas perintah pembatalan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan disampaikan.

(2) Suatu tuntutan bagi kos dan pampasan di bawah subseksyen 25(8) Akta, hendaklah dibuat melalui Borang B Jadual Kelima dalam tempoh enam bulan selepas perintah pengubahsuaian kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan disampaikan

Notis-notis di bawah seksyen 27 (pemajuan yang tiada kebenaran merancang)

15. (1) Suatu notis di bawah perenggan 27(2)(a) Akta, menghendaki (jika pemajuan itu telah siap) supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat melalui Borang D Jadual Keempat.

(2) Suatu notis di bawah perenggan 27(2)(b) Akta, menghendaki (jika pemajuan itu belum siap) supaya menghentikan pemajuan itu dengan serta-merta dan dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat melalui Borang E Jadual Keempat.

(3) Suatu notis di bawah subseksyen 27(3) Akta, boleh disampaikan seandainya pihak berkuasa perancang tempatan tidak berpuas hati sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 2, menghendaki supaya memohon kebenaran merancang, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat melalui Borang F Jadual Keempat.

(4) Suatu notis di bawah subseksyen 27(4) Akta, menghendaki (jika pemajuan itu belum siap) supaya menghentikan pemajuan itu dengan serta-merta, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat melalui Borang G Jadual Keempat.

(5) Suatu notis di bawah subseksyen 27(8) Akta, menghendaki supaya dipulihkan tanah kepada keadaan asalnya, selepas kegagalan memohon atau mendapat kebenaran merancang, hendaklah dibuat melalui Borang H Jadual Keempat.

Notis-notis di bawah seksyen 28 (pemajuan yang bercanggah dengan kebenaran merancang)

16. (1) Suatu notis di bawah perenggan 28(2)(a) Akta, menghendaki supaya pemajuan itu menepati kebenaran merancang dan syarat-syaratnya atau, jika ini tidak mungkin, supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan, dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat - syaratnya, hendaklah masing-masing dibuat melalui Borang I(1) dan I(2) Jadual Keempat.

(2) Suatu notis di bawah perenggan 28(2)(b) Akta, menghendaki supaya menghentikan pemajuan itu dengan serta-merta dan mematuhi, kebenaran merancang dan syarat-syaratnya atau, jika ini tidak mungkin, supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan, hendaklah masing-masing dibuat melalui Borang J(1) dan J(2) Jadual Keempat.

(3) Suatu notis di bawah subseksyen 28(3) Akta, menghendaki supaya suatu permohonan untuk kebenaran merancang yang baru dikemukakan, dalam hal pemajuan yang tidak menepati dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah dibuat melalui Borang K Jadual Keempat.

(4) Suatu notis di bawah subseksyen 28(4) Akta, menghendaki supaya menghentikan pemajuan itu dengan serta-merta, dalam hal pemajuan yang tidak menepati kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah dibuat melalui Borang L Jadual Keempat. Suatu notis di bawah subseksyen 28(8) Akta, untuk memastikan pemajuan menepati kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, dalam hal permohonan kebenaran merancang yang baru di bawah subseksyen 28(3) Akta, tidak dikemukakan atau ditolak, hendaklah dibuat melalui Borang M Jadual Keempat.

(5) Suatu notis di bawah subseksyen 28(8) Akta, untuk memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, berkenaan hal di mana permohonan bagi kebenaran merancang yang baru di bawah subseksyen 28(3) Akta, tidak dikemukakan atau ditolak hendaklah dibuat melalui Borang N Jadual Keempat.

Notis-notis di bawah seksyen 29 (penguatkuasaan bagi pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang diubah suai)

17. (1) Suatu notis di bawah perenggan 29(2)(a) Akta, untuk menyelaraskan pemajuan dengan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang telah diubah suai, hendaklah dibuat melalui Borang O Jadual Keempat.

(2) Suatu notis di bawah perenggan 29(2)(b) Akta, menghendaki supaya suatu pemajuan dihentikan dan disesuaikan dengan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang telah diubah suai, hendaklah dibuat melalui Borang P Jadual Keempat.

(3) Suatu notis di bawah subseksyen 29(3) Akta, menghendaki supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan, dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang telah diubah suai, hendaklah dibuat melalui Borang Q Jadual Keempat.

Notis rekuisisi

18. (1) Suatu notis rekuisisi di bawah perenggan 30(1)(a) Akta, untuk menghentikan penggunaan tanah hendaklah dibuat melalui Borang R Jadual Keempat.

(2) Suatu notis rekuisisi di bawah perenggan 30(1)(b) Akta, untuk mengenakan syarat-syarat ke atas penggunaan tanah yang berterusan hendaklah dibuat melalui Borang S Jadual Keempat.

(3) Suatu notis rekuisisi di bawah perenggan 30(1)(c) Akta, untuk mengubah atau memindah mana-mana bangunan atau kerja di atas mana-mana tanah hendaklah dibuat melalui Borang T Jadual Keempat.

(4) Seseorang yang terkilan dengan suatu notis rekuisisi boleh dalam tempoh yang dinyatakan di dalamnya dan dengan cara yang ditetapkan, merayu kepada Lembaga Rayuan.

Perakuan pematuhan notis rekuisisi

19. Apabila kehendak suatu notis rekuisisi dipatuhi, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyampaikan suatu perakuan pematuhan kepada orang yang telah disampaikan notis.

Tuntutan berikutan pematuhan notis rekuisisi

20. (1) Suatu tuntutan di bawah subseksyen 30(5) Akta, bagi perbelanjaan atau kos menjalankan kerja-kerja untuk mematuhi notis rekuisisi hendaklah dibuat melalui Borang C Jadual Kelima dan hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh pihak berkuasa perancang tempatan memperakui bahawa notis rekuisisi telah dipatuhi.

(2) Suatu tuntutan di bawah subseksyen 30(5) Akta, bagi kerosakan yang berupa kesusutan nilai tanah yang dialami berikutan dengan pematuhan notis rekuisisi hendaklah dibuat melalui Borang D Jadual Kelima dan hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh pihak berkuasa perancang tempatan memperakui bahawa notis rekuisisi telah dipatuhi.

(3) Sesuatu amaun pampasan di bawah subseksyen 30(5) Akta, oleh pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah dibuat melalui Borang E Jadual Kelima.

Caj pemajuan

21. (1) Caj pemajuan boleh dikenakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan ke atas mana-mana permohonan pemajuan yang tertakluk di bawah subseksyen 32(1) Akta.

(2) Kadar atau kaedah mengira amaun caj pemajuan yang kena dibayar hendaklah mengguna pakai Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan (Negeri Kelantan) 2015.

Notis pembelian

22. (1) Tuan punya tanah berdaftar boleh mengemukakan notis pembelian di bawah seksyen 37 Akta, kepada pihak berkuasa perancang tempatan melalui Borang U(1) atau U(2) Jadual Keempat.

(2) Penyerahan notis pembelian akan dikuatkuasakan dengan menghantarnya melalui pos berdaftar kepada pihak berkuasa perancang tempatan.

Pembatalan

23. Kaedah-Kaedah Pengawasan Perancangan (Am) Negeri Kelantan 1989 [*Kn.P.U.19 Tahun 1989*] adalah dengan ini dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI KELANTAN 2024

BORANG A

PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

[subkaedah 3(1)]

mengikut

subseksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada pihak berkuasa perancang tempatan,

Majlis *Bandaraya/ Perbandaran/Daerah,

.....
.....
.....

*Saya/Kami.....
(nama penuh pemunya dengan huruf besar)

beralamat

No. KPdengan ini memohon untuk
kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan yang berikut :

- (a) untuk *mendirikan/menjalankan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini *suatu bangunan/bangunan-bangunan/kerja-kerja mengikut pelan susun atur yang disertakan;
- (b) untuk memecah sempadan tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan susun atur yang disertakan;
- (c) untuk mencantumkan tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan susun atur yang disertakan
- (d) untuk membuat perubahan material dalam penggunaan tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan susun atur yang disertakan;
- (e) untuk membuat perubahan material dalam penggunaan bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan susun atur yang disertakan;
- (f) untuk menjalankan *tambahan/perubahan ke atas suatu bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan susun atur yang disertakan;
- (g) untuk menjalankan kerja-kerja *kejuruteraan/perlombongan/perindustrian;
- (h) untuk menjalankan kerja-kerja meruntuhkan bangunan/bangunan-bangunan seperti yang ditunjukkan di dalam pelan susun atur yang disertakan;
- (i) pindaan kepada pelan susun atur bagi permohonan sebagaimana perenggan (a) hingga (h) yang telah diluluskan.

Penggunaan tanah yang sedia ada
Penggunaan bangunan yang sedia ada (jika ada) di atas tanah.....
Kepentingan pemohon pada tanah : * pemunya/penghuni/bakal pembeli/ kepentingan lain :

2. Seperti yang dikehendaki oleh subkaedah 3(2), Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) Negeri Kelantan 2024, *saya/kami sekarang menyerahkan semua dokumen dan pelan yang relevan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

3. Seperti yang dikehendaki oleh kaedah 4, Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) Negeri Kelantan 2024, *saya/kami sekarang menyerahkan fi sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia :)
sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Tarikh :

.....

(Tandatangan Pemunya)

Nama :

No. Kad Pengenalan :

No. PA (jika berkaitan) :

No. Tel :

No. Faks :

E-mel :

+ Tanda pangkah (×) dalam kotak yang berkenaan

* Potong mana yang tidak berkenaan

PERIHAL TANAH

Majlis*Bandaraya/Perbandaran/Daerah:

*No. Geran/No. Pajakan/No. Hakmilik sementara:

Alamat:
.....

No. Lot:

Jenis kegunaan tanah mengikut geran suratanhakmilik :.....

Syarat nyata tanah :

Sekatan kepentingan (jika ada) :

Mukim:

Daerah :

Jajahan :.....

Negeri : Kelantan Darul Naim

(Jika permohonan melibatkan lebih daripada satu lot, lampirkan satu perihal sama bagi tiap-tiap lot lain itu)

PERSETUJUAN PEMUNYA TANAH

*Saya/kami.....
(nama pemunya tanah)

beralamat
..... No.KP:.....

pemunya tanah yang diperihalkan di atas, bersetuju dengan pemajuan yang mana kebenaran merancang ini dipohon.

Tarikh:
.....
(Tandatangan pemunya tanah)

[Fasal Pengakusaksian]

(Jika ada pemunya yang lain, lampirkan persetujuan yang sama bagi setiap orang daripada mereka)

**Potong mana yang tidak berkenaan*

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

No. Permohonan Kebenaran Merancang :

Tarikh terima :

No. Rujukan :

No./Nama Rancangan Tempatan :

Jenis penggunaan dalam Rancangan Tempatan :

Kepadatan perumahan dalam Rancangan Tempatan :

Nisbah plot dalam Rancangan Tempatan :

Ketinggian bangunan dalam Rancangan Tempatan :

Tarikh diakui terima :

AKUAN TERIMA PERMOHONAN

Majlis*Bandaraya/Perbandaran/Daerah
(Nama pihak berkuasa perancang tempatan)

Negeri Kelantan dengan ini mengaku terima permohonan

(Tajuk permohonan kebenaran merancang)

bertarikh untuk kebenaran merancang berkenaan dengan
 pemajuan tanah yang mempunyai No.Hakmilik..... No. Lot
 dalam Mukim.....Daerah.....dalam
 Jajahan.....No. Permohonan
 Kebenaran Merancang.....No. Rujukan.....

Tarikh : Meterai :

.....
*(Tandatangan, Nama dan Jawatan
 Pegawai Diberi Kuasa)*

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI KELANTAN 2024

BORANG A(1)

ARAHAN BERTULIS

[subkaedah 5(1)]

mengikut

Subseksyen 21(3) dan 21B(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

No. Rujukan:

.....

.....

.....

(Pemunya/alamat)

Setelah membuat semakan ke atas permohonan tuan dan mengambil kira perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang, keperluan teknikal serta dokumen rancangan pemajuan yang ada , arahan bertulis seperti di Lampiran A dengan ini dikenakan kepada

(Nama penuh pemunya dengan huruf besar)

.....

bagi tujuan

(Nyatakan jenis pemajuan)

di atas lot..... Mukim.....
Daerah..... Jajahan....., sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan dengan No. Rujukan.....dan syarat-syarat teknikal yang dilampirkan.

2. Tuan dikehendaki mengembalikan pelan cadangan yang telah dipinda dalam *tempoh 14 hari/ atau apa-apa tempoh oleh pihak berkuasa perancang tempatan / tempoh lanjutan/tempoh lanjutan tambahan(nyatakan tempoh) dari tarikh arahan ini dikeluarkan. Kegagalan untuk menyampaikan semula pelan cadangan yang telah dipinda dalam tempoh tersebut atau tempoh kebenaran yang dilanjutkan, permohonan kebenaran merancang itu disifatkan telah ditarik balik.

Tarikh:

Meterai :

.....
(Tandatangan, Nama dan Jawatan pegawai diberi kuasa)

**Potong mana yang tidak berkenaan*

LAMPIRAN

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI KELANTAN 2024

BORANG B

PERMOHONAN BAGI *PERLANJUTAN/PERLANJUTAN TAMBAHAN
KEBENARAN MERANCANG

[subkaedah 12(2)]

mengikut

Subseksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada pihak berkuasa perancang tempatan,

Majlis * Bandaraya/Perbandaran/Daerah

.....
.....

*Saya/Kami.....

(nama penuh pemunya dengan huruf besar)

beralamat

.....
.....

No.KP dengan ini memohon *perlanjutan (kali pertama)/
perlanjutan tambahan (kali kedua) kebenaran merancang No.Rujukan
yang diberi kepada "saya/kami pada(tarikh) berkenaan dengan
pemajuan yang dicadangkan di atas Lot No..... Mukim.....
Daerah..... Jajahan

2. *Saya/Kami belum memulakan pemajuan dan tidak akan dapat berbuat demikian
sebelum kebenaran merancang luput, di atas sebab-sebab berikut:

.....
.....
.....

3. *Saya/Kami lampirkan No. Resitbagi jumlah wang RM.....
(Ringgit Malaysia) yang
dikeluarkan kepada *saya/kami pada (tarikh) bagi fi melanjutkan
tempoh kebenaran merancang.

Tarikh :

.....

(Tandatangan Pemunya)

* Potong mana yang tidak berkenaa

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

No. Permohonan Kebenaran Merancang :.....

Tarikh terima :

No. Rujukan :

.....

Nama Rancangan Tempatan:.....

Jenis penggunaan tanah dalam Rancangan Tempatan :

.....

Tarikh *kebenaran merancang/perlanjutan diberi:

Tarikh tamat tempoh *kebenaran merancang/perlanjutan.....

* *Potong mana yang tidak berkenaan*

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI KELANTAN 2024

BORANG C(1)

KEBENARAN MERANCANG

[subkaedah 9 (1)]

mengikut

Subseksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

No. Rujukan:

.....
.....
.....

(Pemunya/alamat)

KEBENARAN MERANCANG adalah dengan ini diberi bagi maksud
.....*(nyatakan jenis pemajuan)*

sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan di atas Lot No.
.....Mukim.....Daerah.....
Jajahan Negeri Kelantan.

Kebenaran merancang ini akan luput selepas tempoh 12 bulan mulai tarikh
kebenaran merancang ini diberi.

Pemberian kebenaran merancang adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

.....
.....
.....

Mengikut peruntukan perenggan 23(1)(a) Akta, tuan berhak membuat rayuan dalam
tempoh satu bulan dari tarikh notis ini.

Rayuan hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftar Lembaga Rayuan Negeri Kelantan
dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu dikemukakan.

Tarikh : Meterai :

.....
(Tandatangan, Nama dan Jawatan pegawai diberi kuasa)

Nota:

PEMBERITAHUAN hendaklah dibuat kepada agensi-agensi seperti di bawah :-

- a. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan;
- b. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan; dan
- c. Agensi-agensi pelaksana yang berkaitan

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI KELANTAN 2024

BORANG C(2)

PENOLAKAN KEBENARAN MERANCANG

[subkaedah 9 (2)]

mengikut

subseksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

No. Rujukan:

.....
.....
.....

(Pemunya/alamat)

.....
(nama pihak berkuasa perancang tempatan)

setelah menimbangkan permohonan tuan dan mengambil kira perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang dengan ini membuat keputusan **MENOLAK KEBENARAN MERANCANG**

bagi tujuan
(nyatakan jenis pemajuan)

Lot No.....Mukim Daerah..... Jajahan
..... Negeri Kelantan.

Pihak berkuasa perancang tempatan telah menolak kebenaran merancang di atas sebab-sebab yang berikut:

.....
.....
.....

Penolakan kebenaran merancang adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

.....
.....

Mengikut peruntukan perenggan 23(1)(a) Akta, tuan berhak membuat rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa perancang tempatan dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis ini.

Rayuan hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftar Lembaga Rayuan Negeri Kelantan.

Tarikh: Meterai :

.....
(Tandatangan, Nama dan Jawatan pegawai diberi kuasa)

Nota:

RAYUAN hendaklah dibuat kepada:-
Pendaftar Lembaga Rayuan
d/a Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI KELANTAN 2024

BORANG D

PERMOHONAN PERLANJUTAN TEMPOH MEMINDA PELAN

[subkaedah 5(3)]

mengikut

subseksyen 21(4) dan 21B(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

No. Rujukan:

.....
.....
.....

(Pemunya/alamat)

Tempoh bagi meminda pelan kebenaran

bagi tujuan
(nyatakan jenis pemajuan)

di atas lot Mukim
Daerah..... Jajahan....., yang ditunjukkan dalam
pelan dengan nombor rujukan.....dilanjutkan kepada.....
(tarikh)

2. Tuan dikehendaki mengembalikan pelan yang telah dipinda sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan. Permohonan kebenaran merancang tuan akan dianggap telah ditarik balik sekiranya tuan gagal menyampaikan semula pelan yang telah dipinda pada masa tersebut.

Tarikh: Meterai :

.....
(Tandatangan, Nama dan Jawatan pegawai diberi kuasa)

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI KELANTAN 2023

BORANG E

MEMOHON NASIHAT MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA

[subkaedah 8A]

mengikut

subseksyen 22(2A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

.....

(Setiausaha Majlis)

BAHAWASANYA Jawatankuasa Perancang Negeri Kelantan telah menerima
 suatu permohonan kebenaran merancang bagi pemajuan
 beralamat di

bagi tujuan

(nyatakan jenis pemajuan)

di atas lot Mukim Daerah..... Jajahan
 Negeri Kelantan.

Bagi memenuhi keperluan subseksyen 22(2A) Akta, Jawatankuasa memohon
 nasihat Majlis ke atas pemajuan tersebut yang melibatkan:

(a) pembangunan suatu perbandaran baru bagi penduduk yang melebihi
 10,000 (sepuluh ribu), atau meliputi suatu kawasan yang lebih daripada
 satu ratus hektar atau kedua-duanya;

(b) suatu pemajuan bagi pembinaan apa-apa infrastruktur atau kemudahan
 utama; atau

(c) suatu pemajuan yang melibatkan puncak atau lereng bukit, dalam kawasan
 yang ditetapkan sebagai kawasan alam sekitar yang sensitif dalam suatu
 rancangan pemajuan.

Tarikh:

 Sila tandakan (✓) di kotak yang berkenaan

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI KELANTAN 2024

BORANG F

MEMOHON PERAKUAN JAWATANKUASA KAWAL SELIA MERANCANG
DAN MENYELARAS AKTIVITI-AKTIVITI PEMAJUAN PROJEK
PEMBANGUNAN NEGERI KELANTAN

[subkaedah 8B(6)]
mengikut
subseksyen 4(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

Urus Setia
Jawatankuasa Kawal Selia Merancang dan Menyelaras Aktiviti-aktiviti Pemaajuan
Projek Pembangunan Negeri Kelantan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan

*Saya/Kami.....

(nama penuh pemohon / pemunya dengan huruf besar)

beralamat

bagi (Nyatakan jenis pemaajuan) tujuan

..... di atas lot *Mukim / Bandar

Daerah Jajahan....., berkenaan
dengan pemaajuan yang berikut:

(a) projek-projek pelaburan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri
Kelantan atau pihak berkuasa tempatan yang telah diluluskan oleh Pihak
Berkuasa Negeri;

(b) projek-projek pembangunan yang berimpak tinggi di atas tanah
persendirian yang dikemukakan oleh pemohon atau pemunya;

(c) projek-projek pembangunan tanah kerajaan yang telah diluluskan oleh
Pihak Berkuasa Negeri;

(d) projek-projek pembangunan oleh jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;

(e) apa-apa projek pembangunan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

2. *Saya/kami sekarang menyerahkan fi sebanyak RM (Ringgit Malaysia :) sebagaimana yang ditetapkan dalam **Jadual Ketiga**.

Tarikh :

 (Tandatangan Pemunya)

Nama :
 No. Kad Pengenalan :
 Maklumat PA/Surat Kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri :
 No. Tel :
 No. Faks :
 E-mel :

+Tanda pangkah (×) dalam kotak yang berkenaan

* Potong mana yang tidak berkenaan

JADUAL KEDUA

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI KELANTAN 2024DOKUMEN-DOKUMEN DAN PELAN YANG HENDAKLAH DISERTAKAN
DENGAN PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

[subkaedah 3(2)]
mengikut

subseksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

1. 8 salinan tiap-tiap satu, dan apa-apa salinan tambahan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, pelan tapak atau pelan susun atur yang ditandatangani oleh orang yang layak mengemukakan pelan, pemunya tanah berdaftar dan orang yang menyediakan pelan itu.

Pelan mestilah —

- (a) mempunyai tajuk yang menjelaskan jenis pemajuan yang dicadangkan dan lot berkenaan;
- (b) dilukis mengikut skala yang sesuai beza antara 1:200 hingga 1:1000 atau yang setara dengannya, termasuk suatu pelan punca yang dilukis mengikut skala 1 inci bagi 1 batu atau 1:50,000 meliputi kawasan dalam jarak lingkungan 5 km dari pemajuan yang dicadangkan itu; dan tunjukkan semua penanda batu jarak lingkungan itu dan pelan lokasi mengikut skala 1:10,000;
- (c) menunjukkan tapak sebenar di mana bangunan yang dicadangkan itu akan didirikan atau, mengenai bangunan yang sedia ada, tapak sebenar di mana bangunan itu berdiri;
- (d) menunjukkan nombor lot dan kawasan tanah;
- (e) menunjukkan zoning/kelas kegunaan tanah dengan jelas dengan warna-warna yang ditetapkan bagi penggunaan tanah itu;
- (f) menunjukkan jalan masuk yang sah dari tapak ke jalan raya awam;
- (g) menunjukkan kedudukan, hujung, persilangan dan lebar semua jalan baru yang dicadangkan hendak direzabkan, disusun atur atau dibina di atas tanah itu;
- (h) menunjukkan sistem perparitan, aliran permukaan dan sistem takungan yang keluar ke sungai dan sistem kumbahan ke loji rawatan yang dicadangkan adalah tertakluk kepada syarat ianya tidak mengganggu saluran semula jadi di kawasan terbabit;
- (i) menunjukkan kegunaan dan struktur binaan di atas lot bersempadanan yang mana tanah tersebut akan memberi kesan atau menerima kesan daripada pembangunan yang hendak dijalankan di atas tapak yang dicadangkan;

- (j) menunjukkan keluasan dan kegunaan yang dicadangkan bagi setiap tingkat bangunan untuk pemajuan jenis komersial, perindustrian dan institusi swasta;
 - (k) menunjukkan garisan bangunan dan anjakan belakang dari sempadan lot;
 - (l) menunjukkan pengekal seni taman/ pokok selaras dengan seksyen 35 Akta, ke atas pemajuan yang dicadangkan;
 - (m) menunjukkan garisan kontur mengikut sela di antara 1 hingga 5 meter;
 - (n) menunjukkan tanda utara dan skala;
 - (o) menunjukkan susunan tempat letak kenderaan;
 - (p) menunjukkan kepadatan bagi pemajuan perumahan atau nisbah plot dan kawasan plinth bagi pemajuan perindustrian dan komersial;
 - (q) menunjukkan cadangan aras tapak (spot level) dan jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, aras tapak sedia ada kawasan sekitarnya; dan
 - (r) menyediakan ruang untuk syarat teknikal dan ruang syarat kelulusan pihak berkuasa perancang tempatan di atas pelan atau dilampirkan bersama.
2. Suatu pernyataan yang memperihalkan pemajuan yang dicadangkan iaitu Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri Kelantan.
 3. salinan pelan kerja ukur dan pelan akui.
 4. Salinan benar hak milik tanah yang diperakui dan disokong dengan carian rasmi terbaru, tidak melebihi 6 bulan dari tarikh permohonan kebenaran merancang.
 5. Dokumen sah untuk menjamin adanya hak lalulalang yang sah dari tapak ke jalan raya.
 6. salinan tiap-tiap satu, dan apa-apa salinan tambahan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, akan lakaran pelan bangunan yang dicadangkan atau tambahan-

tambahan yang dicadangkan atau perubahan-perubahan kepada bangunan yang sedia ada, yang menunjukkan elevasi, bahagian dan kegunaan yang dicadangkan bagi setiap tingkat dan ukuran masing-masing.
 7. Gambar keadaan tapak sedia ada dan gambar lot di sempadan utara, selatan, timur dan barat tapak.
 8. Satu contoh atau ilustrasi mengikut perspektif pemajuan yang dicadangkan jika dikehendaki pihak berkuasa perancang tempatan.
 9. Cadangan pelan keratan rentas dan pelan keratan rentas sedia ada termasuk kawasan sekitar dalam jarak 100 meter dari sempadan tapak jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

10. Dokumen sokongan termasuklah laporan penilaian kesan lalulintas, penilaian kesan sosial, laporan pelan kawalan hakisan dan kelodak dan laporan geoteknikal, yang disediakan oleh orang yang berkeelayakan, jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI KELANTAN 2024

BAHAGIAN 1

FI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

[subkaedah 4(1)]

mengikut

perenggan 58(2)(j) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

I) Untuk mendirikan sebuah bangunan baru sama ada di atas tanah kosong atau menggantikan sebuah bangunan sedia ada di atas sesuatu tanah

Bil.	Jenis dan Komponen Pemajuan (Ruang 1)	Kadar Fi (RM) (Ruang 2)
1.	Kediaman a) 100 unit pertama b) 100 unit kedua c) Lebih 200 unit d) Rumah kos rendah	50/unit 45/unit 40/unit 25/unit
2.	Perdagangan (Kedai Pejabat, Hotel, Chalet, Motel, Resort, Service lain Apartment, Kompleks Perniagaan, Blok Perniagaan, Institusi Swasta, Restoran, tapak perkuburan, cemetaries/mausoleum, krematorium dan lain yang berkaitan) a) 100 mp pertama b) 75 mp berikutnya c) 50 mp berikutnya	50 45 30
3.	Perindustrian a) 100 mp pertama b) 75 mp berikutnya c) 50 mp berikutnya	50 30 25
4.	Institusi Awam (Universiti, Pejabat, Hospital, Klinik, Kuaters Kerajaan, Sekolah, Balai Bomba, Balai Polis, Kem Tentera, Rumah Ibadat (berpandukan kepada kos projek) a) RM 10 juta ke bawah b) RM 11 juta-RM 30 juta c) RM 31 juta-RM 60 juta d) RM 61 juta-RM 100 juta e) RM101 juta ke atas	5,000/permohonan 10,000/permohonan 15,000/permohonan 20,000/permohonan 25,000/permohonan

Bil.	Jenis dan Komponen Pemajuan (<i>Ruang 1</i>)	Kadar Fi (RM) (<i>Ruang 2</i>)
5.	Stesen Minyak a) Stesen minyak biasa b) Stesen minyak dengan kemudahan servis	500/ unit 800/ unit
6.	Infrastruktur dan Utiliti Awam a) Menara telekomunikasi b) Paip minyak/ Gas c) Ibu Sawat d) Talian Penghantaran Elektrik e) Sistem Pembentungan f) Tapak/Stesen Transit Sistem Pepejal g) Lapangan Terbang h) Empangan i) Pelabuhan j) Lain-lain	2000/permohonan 500/permohonan 500 / permohonan 500/bagi setiap kilometer atau sebahagian daripadanya 500 bagi setiap petak 1,000 bagi setiap tapak/stesen 1,000 bagi setiap lapangan terbang 1,000 bagi setiap empangan 1,000 bagi setiap pelabuhan 1,000 bagi setiap satu permohonan pemajuan.
7.	Infrastruktur dan Utiliti Swasta a) Menara telekomunikasi b) Pencawang elektrik, pencawang pembahagian utama dan Pencawang masuk utama)	1000/permohonan 1000/permohonan
8.	Kemudahan Awam / Rekreasi Berorientasikan Perniagaan a) Padang Golf b) Tadika Swasta c) Sekolah Swasta / Institut Pendidikan Swasta d) Perpustakaan e) Hospital/ Klinik f) Dewan Gelanggang	1,000 bagi setiap padang golf 200 bagi setiap tadika. 500 bagi setiap sekolah/ institusi pendidikan 200 bagi setiap perpustakaan 50 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian darinya; 40 bagi setiap 75 meter persegi selepas itu atau sebahagian darinya; 30 bagi setiap 50 meter persegi dan seterusnya atau sebahagian darinya. 50 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian darinya; 40 bagi setiap 75 meter persegi selepas itu atau sebahagian darinya

Bil.	Jenis dan Komponen Pemajuan (Ruang 1)	Kadar Fi (RM) (Ruang 2)
	g) Tempat letak kenderaan h) Tempat letak kenderaan berat i) Tempat Letak Motosikal j) Marina/Jeti swasta k) Taman Tema	2/petak 5/petak 0.50/petak 1000/permohonan 2,000 bagi setiap taman tema
